

Pengajaran Pembezaan Berasaskan Profil Murid

Salina Hussin

salina_hussin@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Pasir Ris

Abstrak

Seorang guru harus mengetahui mengenai kesediaan, minat dan profil pembelajaran muridnya bagi memaksimumkan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Dengan maklumat ini, seorang guru dapat memikirkan cara yang terbaik dan bahan-bahan yang diperlukan bagi melaksanakan pengajaran pembezaan. Ini dilakukan agar guru dapat merangsang minat murid dan mereka terlibat lebih aktif dalam pembelajaran. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui profil murid dan mengambil kira profil ini ketika melakarkan pengajaran pembezaan. Seramai 25 orang murid Darjah 4 terlibat sebagai subjek kajian. Borang tinjauan digunakan untuk mengetahui profil mereka. Seramai 5 orang murid yang dipilih secara rambang untuk diwawancara. 5 orang guru juga diwawancara untuk mendapatkan maklumat mengenai profil murid mereka dan kaedah yang digunakan untuk mengajar murid pelbagai kebolehan. Berdasarkan dapatan tinjauan, perlu ada usaha untuk mengetahui profil murid supaya guru dapat melaksanakan pengajaran pembezaan dengan lebih sistematik dan berstruktur. Selain itu, guru dapat memenuhi keperluan pembelajaran setiap murid.

Kata kunci: pengajaran pembezaan, profil, kesediaan, minat



PENGENALAN

Dalam memahami tahap penguasaan murid, guru sering menjalankan ujian diagnostik di awal tahun terutamanya bagi murid Darjah 1. Ujian diagnostik ini dijalankan sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis. Maklumat yang dikumpulkan melihat tahap kebolehbacaan murid dan penguasaan kosa kata murid. Selain ujian diagnostik, guru juga boleh menggunakan kaedah lain. Kertas kajian ini mengemukakan pemgumpulan data mengenai profil murid bagi melaksanakan pengajaran pembezaan.

Pengetahuan mengenai profil murid ini dianggap penting. Dengan maklumat ini guru dapat merancang pelajaran yang melibatkan semua murid agar pengetahuan mereka dapat ditingkatkan. Ada pelbagai cara untuk mengetahui profil murid bergantung pada maklumat diinginkan guru. Masa yang dijalankan juga berbeza. Lazimnya, guru melakukannya pada awal tahun untuk mengetahui tahap kemahiran murid dan selanjutnya beberapa kali dalam setahun untuk mengetahui perkembangan kebolehan murid.

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun pengajaran pembezaan sudah diperkenalkan sejak tahun 2008, namun ada guru yang tidak mengetahui profil murid dan menerapkan pengajaran pembezaan kerana masih belum mahir menjalankannya. Pengajaran pembezaan memerlukan perancangan yang teliti kerana melibatkan beberapa perkara seperti melakukan pengubahsuaian bagi bahagian kandungan, mempelbagaikan proses pengajaran dan juga hasil yang diingini daripada kumpulan murid yang pelbagai kebolehan. Selain itu, guru juga harus mengetahui minat dan kesediaan murid dalam proses pembelajaran. Oleh itu, ini menjadi cabaran bagi guru untuk merancang pengajaran pembezaan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini seperti yang berikut:

1. untuk mengetahui profil murid dari segi minat, kesediaannya dan latar belakangnya; dan
2. meneliti keberkesanan pengajaran pembezaan berdasarkan profil murid.


KAJIAN LEPAS

Guru-guru memainkan peranan penting dalam bilik darjah. Tugasan yang diberikan kepada murid tanpa mengetahui profil murid kerap berlaku. Proses dalam pembelajaran tidak dapat dioptimumkan tanpa mengetahui kebolehan murid. Ada juga guru yang membuat profil murid hanya pada awal tahun sahaja tanpa menjalankan pengajaran pembezaan dalam pengajaran bahasa Melayu.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (2015) turut memuatkan maklumat mengenai pengajaran pembezaan sebagai salah satu pedagogi yang guru boleh jalankan di bilik darjah. Menurut Tomlinson (2002), pengajaran pembezaan adalah respons guru terhadap keperluan murid berpandukan beberapa prinsip, iaitu persekitaran yang positif yang menggalakkan pembelajaran, kurikulum yang berkualiti, penilaian yang berterusan, arahan kepada murid yang berbeza dan tugas yang bermakna serta pengurusan rutin. Pengajaran pembezaan boleh dilakukan melalui kandungan, proses, produk atau persekitaran bergantung kepada kesediaan murid, minat dan profil pembelajaran murid melalui strategi yang pelbagai. Tujuan membezakan pengajaran adalah untuk memaksimumkan pertumbuhan dan kejayaan murid dengan memberi bantuan dalam proses pembelajaran. Berikut adalah rangka pengajaran pembezaan yang diutarakan oleh Tomlinson.



Rajah 1: Kerangka Pengajaran Pembezaan



Tomlinson, C.A. (2014). The differentiated Classroom: Responding to the Needs of All Learners.

Bagi memahami kecerdasan seseorang murid, Howard Gardner (1993) telah mengembangkan model kecerdasan pelbagai, iaitu ‘*Multiple Intelligence*’ menyenaraikan sebanyak lapan kecerdasan, iaitu:

1. Kecerdasan Linguistik
2. Kecerdasan Logik Matematik
3. Kecerdasan Visual dan Spasial
4. Kecerdasan Muzik
5. Kecerdasan Interpersonal
6. Kecerdasan Intrapersonal

7. Kecerdasan Kinestatik
8. Kecerdasan Naturalis

Antara kecerdasan yang dinyatakan di atas ini, guru dapat mengenal pasti kecerdasan murid sekiranya mengetahui profil murid. Kepelbagaiannya murid dalam kelas tidak terhad kepada jantina sahaja tetapi melangkaui kebolehan murid yang pelbagai dan juga yang kurang upaya. Setiap murid harus diberikan peluang yang sama di dalam bilik darjah.

Kajian yang dijalankan oleh Maslina Mohtar dan Mohamad Firuz Jelaludin (2012) meneliti penggunaan ICT dalam pengajaran pembezaan. Dapatkan kajian menunjukkan aktiviti dan latihan yang diberikan berdasarkan tahap kebolehan murid serta di sokong dengan ICT telah membantu murid menjalakan aktiviti dengan lebih bersungguh-sungguh. Ini disebabkan murid diberikan peluang melakukan tugas mengikut keupayan masing-masing.

Sehubungan itu, Kajian ini dijalankan untuk menunjukkan cara-cara menggunakan profil murid dalam pengajaran pembezaan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan pengajaran secara eksplisit. Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif dijalankan dalam bilik darjah yang melibatkan 25 orang murid Darjah 4. Mereka dikehendaki melengkapkan borang tinjauan. Lima orang murid dipilih sebagai responden untuk wawancara. Mereka telah diwawancara untuk mengetahui lebih lanjut tentang profil dan pandangan mereka dalam mempelajari bahasa Melayu.

Pengkaji telah mewawancara lima orang guru untuk mendapatkan maklumat daripada mereka sama ada mereka mengetahui profil murid mereka dan menjalankan pengajaran pembezaan dalam bilik darjah. Setelah mendapatkan semua data dan maklumat yang diperlukan, pengkaji menganalisis dan membuat triangulasi data. Rumusan dan saranan dihasilkan dengan harapan dapat membantu guru-guru cara untuk mengetahui profil murid dan menggunakan dalam pengajaran pembezaan di bilik darjah agar dapat merangsang minat murid. Pengkaji juga menerapkan Amalan Pengajaran Singapura (STP) untuk membantu setiap guru menjadi reflektif dalam amalan pengajaran dan membantu setiap murid belajar dengan baik serta meningkatkan rasa seronok dalam proses pembelajaran.

Bagi pelaksanaan pelajaran, AM 1 menggunakan cerita dan Imejan dan AM2, menunjuk cara telah diambil kira bagi menjalankan kajian ini. Bagi proses penilaian dan maklum balas AM3 saya buat, saya tahu dan saya semak digunakan untuk memantau kerja murid menghasilkan puisi Haiku dan Tanka. Sila lihat Jadual 1.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: merangsang minat	AM1: menggunakan cerita dan imejan AM ini digunakan agar murid dapat mengenali kunang-kunang dengan lebih baik dan boleh membayangkan situasi kehidupan seekor kunang-kunang.
	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM2: Menunjuk Cara atau Modeling Guru menunjuk cara menulis puisi Haiku dan Tanka. Selepas murid menghasilkan puisi tersebut, guru membimbing murid membacanya. Melalui AM ini murid akan dapat mengikuti pelajaran dan melakukan aktiviti dengan lebih baik.
Penilaian Dan maklum balas	AP22: memantau pemahaman dan memberi maklum balas	AM3: Saya buat, saya tahu, saya semak Murid-murid diberi senarai semak ketika menulis puisi agar mereka faham akan peraturan membuat puisi Haiku dan Tanka. Di samping itu, mereka juga menyemak semula hasil puisi mereka.
Penerangan dan Justifikasi		Bagi melaksanakan pengajaran pembezaan dengan lebih berkesan, guru telah memilih aktiviti mengajar menggunakan cerita dan imejan. Penggunaan visual ini dapat membantu murid memahami kandung pelajaran terutamanya bagi murid praaras kebolehan. Selain itu AM menunjuk cara juga diterapkan agar murid dapat memahami pelajaran mengenai sajak Haiku dan Tanka dengan lebih baik. Bagi memastikan murid bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka, guru memastikan murid memahami apa yang perlu mereka lakukan, murid boleh melakukan dan menyemak kerja mereka. Guru juga turut memberikan maklum balas semasa proses pengajaran dilaksanakan.

Subjek Kajian

Dua puluh lima orang responden yang merupakan murid Darjah 4 yang terdiri daripada lapan murid lelaki dan tujuh belas murid perempuan telah dipilih sebagai subjek kajian. Lima orang murid telah dipilih untuk diwawancara. Seorang murid yang mewakili murid melebihi aras kebolehan, dua orang murid yang berada pada aras kebolehan dan dan 2 orang praaras kebolehan. Tujuan wawancara dijalankan untuk mengetahui cara dan minat murid ini belajar bahasa Melayu.

Lima orang responden yang merupakan guru juga telah diwawancara. Responden ini dipilih berdasarkan pengalaman mereka mengajar di sekolah. Mereka berumur di antara 26 hingga 55 tahun. Mereka mempunyai pengalaman di antara 1-5 tahun, 5-10 tahun, 10-20 tahun dan 20 tahun ke atas. Kesemua responden ini merupakan guru wanita memandangkan tenaga pengajar kesemua guru wanita. Pengkaji juga memilih seorang guru yang mengajar bahasa Inggeris untuk mengetahui sama ada mereka juga menjalankan pengajaran pembezaan di bilik darjah.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada borang tinjauan bagi murid dan guru. Guru menggunakan video untuk merakamkan sesi wawancara. Selain itu, guru menggunakan strategi rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya bagi mendapatkan maklumat mengenai kunang-kunang dan juga lembaran kerja untuk menghasilkan puisi Haiku dan Tanka.

Prosedur Kajian

Di peringkat awal tinjauan dijalankan bagi mengetahui profil murid. Selain itu wawancara turut dijalankan bagi lima orang murid dan lima orang guru. Selepas mengetahui profil murid, rancangan pelajaran dilakarkan selama dua hari untuk topik kunang-kunang bagi penulisan puisi Haiku dan Tanka. Oleh kerana topik kunang-kunang ini sesuatu yang baharu, guru menyediakan soalan untuk mengetahui sejauh mana pemahaman dan pengalaman mereka. Aktiviti mengajar menggunakan cerita dan imejan telah digunakan untuk merangsang minat murid. Berdasarkan daripada dapatan tinjauan, guru mendapati murid-murid suka pada hal yang berkaitan dengan visual. Oleh itu, pemilihan AM ini amat sesuai bagi memulakan pengajaran. Tumpuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk murid-murid Darjah 4 ini pada kemahiran membaca dan menulis puisi. Guru menggunakan maklumat profil murid dalam pengajaran pembezaan agar semua murid terlibat dalam pembelajaran. Saranan ini untuk memberi guru pemahaman tentang pengajaran pembezaan di bilik darjah.

Hari pertama

Pada hari pertama, murid-murid membaca buku teks halaman 48 hingga 50 untuk menjana kosa kata dan menerangkan maknanya. Kemudian, dengan maklumat yang mereka baca, mereka harus menyusun ayat-ayat dengan menulis nombor mengikut susunan peristiwa di buku aktiviti halaman 42. Berdasarkan dapatan tinjauan, murid-murid suka belajar melalui permainan. Oleh itu, permainan kosa kata dijalankan sebagai aktiviti mengajar. Murid membuat bulatan, kemudian guru memberi arahan untuk murid-murid memberikan kata kerja yang berkaitan dengan kunang-kunang. Murid yang memberikan jawapan yang salah atau lambat memberikan jawapan akan duduk di dalam bulatan tersebut. Guru boleh menukar arahan untuk membantu murid-murid yang lain. Selain kata kerja guru juga boleh mendapatkan maklumat mengenai kata adjektif atau sebagainya. Dengan cara ini murid-murid mengimbas kembali apa yang dibaca dan diajarkan oleh guru tentang kosa kata berkaitan dengan kunang-kunang.

Hari kedua

Guru melanjutkan pelajarannya dengan menunjukkan gambar kunang-kunang. Dengan menggunakan strategi rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (LFT), murid-murid mencatatkan apa yang mereka lihat melalui gambar tersebut. Kemudian mereka menonton video tentang kunang-kunang. Guru memilih video kerana melalui profil mereka, ramai yang gemar penggunaan video. Kemudian, mereka lengkapkan templat rutin berfikir bagi bahagian fikir dan tanya.

Seterusnya, guru menjelaskan pelajaran pada hari itu. Bagi memastikan murid dapat memberikan tumpuan, guru menerapkan pengajaran secara eksplisit. Selepas aktiviti pengenalan, guru menerangkan tentang sajak Haiku dan Tanka yang menggunakan suku kata. Guru menunjuk cara atau modeling bagaimana menulis sajak Haiku dan Tanka. Kemudian, guru dan murid-murid buat sajak tersebut bersama-sama. Selepas penerangan mengenai sajak Haiku dan Tanka, guru menyemak pemahaman murid sebelum melanjutkan pelajaran. Jika ada yang masih tidak jelas guru menerangkannya sekali lagi.

Aktiviti selanjutnya ialah aktiviti berkumpulan kerana melalui tinjauan profil murid-murid didapati mereka suka aktiviti berkumpulan. Setiap murid membuat kerja berkumpulan mengikut tahap kebolehan murid. Struktur ini merupakan salah satu cara pengajaran pembezaan boleh dilakukan. Murid-murid melakukan aktiviti mengikut kebolehan mereka. Kumpulan melebihi aras kebolehan akan membuat kerja kumpulan secara kendiri. Bantuan diberikan jika diperlukan. Bagi kumpulan yang berada pada aras kebolehan mereka diberikan beberapa suku kata bantuan. Seterusnya, bagi murid praaras

kebolehan pula mereka diberi panduan dan suku kata untuk membantu mereka menulis sajak. Bentuk arahan dan soalan yang digunakan juga berbeza untuk murid-murid yang berlainan kebolehan. Setelah membuat kerja berkumpulan, guru menyuruh murid membaca dengan intonasi yang betul. Selepas aktiviti tersebut murid-murid menulis sajak secara individu dengan menggunakan senarai semak.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Dapatan tinjauan dan wawancara yang dijalankan telah dapat memberikan guru gambaran yang lebih jelas mengenai profil murid dari segi penggunaan bahasa Melayu di rumah dan tahap penguasaan bahasa mereka. Maklumat lengkap mengenai dapatan profil murid dijelaskan dalam rajah-rajab di bawah ini.

Bagi penggunaan bahasa di rumah, dapatan menunjukkan sebanyak 72% yang berbual dalam bahasa Inggeris di rumah. Hanya 4% sahaja yang bertutur dalam bahasa Melayu di rumah. Bagi penggunaan bahasa semasa berbual dengan rakan-rakan, didapati 76% murid- menggunakan kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu ketika berbual manakala hanya bahasa Inggeris sahaja sebanyak 24%. Bahasa Melayu sahaja tidak digunakan langsung. Sila Rujuk Rajah 2 dan 3.

Rajah 2: Peratusan Penggunaan Bahasa Melayu di Rumah




Rajah 3: Peratusan Penggunaan Bahasa Melayu semasa Berbual dengan Rakan



Bagi soalan 3, hanya 56% murid-murid menggunakan bahasa Melayu dengan datuk dan nenek mereka semasa berkomunikasi manakala 20% bersama guru BM 20% dan 12% bersama pembantu rumah. Hanya 4% sahaja yang menggunakan bahasa Melayu bersama ibu bapa. Ini kemungkinan ramai di antara ibu bapa murid yang bekerja maka kurang berkomunikasi di rumah. Soalan 4 menunjukkan sebanyak 50% murid-murid faham dalam bahasa Melayu dan boleh berbual dalam bahasa Melayu. Dapatan ini setara.


Rajah 4: Taburan Teman Bual Responden

3. Dengan siapakah kamu selalu berbual dalam bahasa Melayu?



Rajah 5: Peratusan Pemahaman Responden Semasa Berbual


4. Adakah kamu faham dan boleh berbual dalam bahasa Melayu?



Bagi meneliti keyakinan murid berbual dalam bahasa Melayu, dapatan menunjukkan, hanya 16% murid berasa yakin menggunakan bahasa Melayu ketika berbual manakala 84% yang tidak yakin. Murid yang tidak yakin mempunyai kosa kata yang terhad dan takut ditertawakan apabila melakukan kesilapan. Soalan 6 menunjukkan kesemua murid boleh membaca bahan dalam bahasa Melayu.

Rajah 6: Peratusan Keyakinan Berbual dalam Bahasa Melayu

5. Adakah kamu yakin berbual dalam bahasa Melayu?



Rajah 7: Peratusan Kebolehan Membaca Responden dalam Bahasa Melayu

6. Saya boleh membaca dalam BM.

Tidak
0%


Ya
100%

■ Ya
■ Tidak


Bagi soalan 7 pula, ramai yang menonton program dalam bahasa Melayu, iaitu sebanyak 92%. Hanya 8% sahaja yang tidak menonton program dalam bahasa Melayu. Soalan 7a pula menunjukkan 44% murid gemar menonton di youtube manakala 39% melalui rancangan televisyen. Sebanyak 13% yang mendengar radio. Hanya 4% sahaja yang melayari lelaman di internet.

Rajah 8: Peratusan Responden yang Menonton Program Bahasa Melayu

7. Adakah kamu menonton program dalam BM?




Rajah 9: Peratusan Program dalam BM yang Ditonton oleh Responden




Soalan 7b pula menunjukkan sebanyak 70% yang gemar menonton drama manakala menonton program kanak-kanak pula sebanyak 13%.

Yang menonton berita pula sebanyak 4%. Hanya 3% sahaja yang menonton dokumentari. Soalan 8 menghendaki murid memilih cara yang paling disukai untuk mempelajari bahasa Melayu dalam kelas. Ramai murid yang memilih video, iaitu sebanyak 28%. Komputer atau Ipad dan permainan pilihan jatuh pada nombor dua iaitu 24% Kuiz dan muzik pula sebanyak 12%.

Rajah 10: Peratusan Program BM yang Paling Disukai oleh Responden



Rajah 11: Peratusan Bahan Pembelajaran yang Disukai Responden



Berdasarkan dapatan ini, guru dapat mengetahui penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu murid. Kebanyakan murid menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika bertutur di rumah dan di sekolah. Ramai dalam kalangan mereka gemar menonton sama ada drama Melayu atau drama Indonesia kerana mengikut minat datuk dan nenek mereka atau pembantu rumah mereka. Maka bahasa yang dipelajari merupakan bahasa percampuran.

Secara keseluruhan guru-guru yang diwawancara setuju bahawa mengetahui kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid dapat membantu mereka melaksanakan pengajaran pembezaan dengan lebih berkesan dan meng maksimumkan pembelajaran bagi semua murid.

Berdasarkan latihan menulis sajak, didapati murid dapat menghasilkan sajak mengikut tahap kebolehan mereka. Bagi murid praaras kebolehan mereka terangsang semasa menulis sajak kerana mereka dapat melakukannya dan tidak terasa tekanan. Dalam hal ini guru telah melakukan pembezaan dari segi produknya berdasarkan tahap kebolehan murid. Sila rujuk contoh hasil kerja murid di bawah ini.

Jadual 2: Contoh Hasil Sajak Murid

Murid Praaras Kebolehan	
Malam yang tenang Berkelap-kelip cantik Oh kunang-kunang Terbang beri cahaya Kusenang melihatmu	Malam yang tenang Sunyi dan sangat sepi Beri cahaya Kunang-kunang yang cantik Terus beri cahaya
Murid Pada Aras Kebolehan	
Oh kunang-kunang Waktu malam bersinar Kurasa tenang Melihat hidup bebas Terbanglah di udara	Kunang-kunangku Kau cantik waktu malam Malam bersinar Gelap menjadi terang Terbang dan bercahaya
Murid Melebihi Aras kebolehan	
Malam yang sepi Berkelap-kelip cantik Kunang-kunangku Teruslah bercahaya Bersinar di udara	Malam yang tenang Kulihat sinar Oh Kunang-kunang Kau berilah sinaran Malam yang gelap terang

KESIMPULAN

Dapatan ini menunjukkan guru telah berjaya menjalankan pengajaran pembezaan dengan menggunakan profil murid. Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang penting dalam memberi motivasi kepada murid-murid untuk belajar dalam bilik darjah yang kondusif. Guru juga memastikan semua murid diberikan peluang untuk melakukan aktiviti dan membantu membina keyakinan mereka. Selain itu, pengetahuan tentang profil murid amat penting kerana guru dapat membina hubungan yang lebih baik dengan murid-muridnya.

Guru juga boleh menggunakan kaedah lain seperti strategi rutin berfikir agar PdP lebih tersusun dan merangsang minat murid. Dalam melaksanakan pengajaran pembezaan, guru harus ambil kira faktor masa, untuk merancang, memilih bahan PdP dan memilih strategi yang sesuai untuk murid-murid mereka. Oleh itu, penerapan STP perlu kerana STP menyediakan guru pelbagai aktiviti mengajar yang boleh disesuaikan untuk pengajaran pembezaan.

RUJUKAN

Howard Gardner (1993). *Multiple intelligence. New Horizons in theory and practice*. New York: Basic Book.

Maslina Mohtar dan Mohamad Firuz Jelaludin. (2010). Penggunaan ICT dalam Pengajaran Pembezaan yang Berpusatkan Pelajar. Dalam Kecekapan Berbahasa dan Penghayatan Nilai dalam Pendidikan abad ke-21, Seminar Bahasa Melayu, Hal. 279-287. Pusat Bahasa Melayu dan Unit Bahasa Melayu CPDD: Kato Printing.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah (2015). Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan.

Tomlinson, Carol Ann. *How To Differentiate Instruction in Mixed -Ability Classrooms*, 2nd edition. Chapter 10, “The How To’s of Planning Lessons Differentiated by Learning Profile”.

Tomlinson C., A. (2002). The differentiated classroom a responding to the needs for all beginners. USA: Prentice Hall.